

PRAKTIS 3

SEJARAH Bab 1 - 4

SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A

- 1 Bagaimanakah Sarawak dan Sabah mengurus peraturan hidup dan undang-undang dalam masyarakat?
A Melalui undang-undang bertulis
B Merujuk kepada Hukum Kanun Melaka
C Berdasarkan hukuman yang ditentukan oleh tuai rumah
D Berdasarkan hukum adat yang diamalkan secara tradisi


- 2 Senarai berikut berkaitan sistem timbangan emas dan perak yang digunakan oleh orang Melayu.

12 saga	= 1 mayam
16 mayam	= 1 bungkal

Sistem timbangan ini diambil oleh orang Melayu daripada

- | | |
|------------------|-------------------|
| A pedagang Arab | C pedagang Eropah |
| B pedagang India | D pedagang China |

- 3 Gambar berikut menunjukkan karya agung masyarakat Melayu.



Apakah yang dapat diperkatakan terhadap bahasa Melayu di Alam Melayu berdasarkan buku tersebut?

- A Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu
- B Bahasa Melayu bahasa rasmi pedagang
- C Bahasa Melayu tersebar luas ke negara Eropah
- D Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua terpenting selepas bahasa Inggeris

- 4 Jadual berikut menunjukkan slogan yang digunakan oleh kuasa Barat untuk mewajarkan tindakan mereka dalam meluaskan pengaruh di Asia Tenggara.

British	Beban Orang Putih
Perancis	X

Apakah X?

- A Tamadun untuk Semua
- B Tamadun untuk Keamanan
- C Tugas Menyebarkan Tamadun
- D Mentamadunkan Manusia Tugas Kami

- 5 Mengapakah Britain menukar dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan di negeri-negeri Melayu?

- A Berlakunya revolusi perindustrian di Britain
- B Parti Konservatif mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan
- C Britain amat memerlukan bahan mentah terutamanya dari negeri-negeri Melayu
- D Kuasa Barat yang lain berusaha untuk meluaskan pengaruh mereka di negeri-negeri Melayu

- 6 Negeri manakah yang digabungkan pemerintahan oleh Britain untuk membentuk Negeri-negeri Selat?

- I Perak
 - II Pahang
 - III Singapura
 - IV Pulau Pinang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 7 Mengapakah British berusaha untuk mengukuhkan laluan perdagangan ke China pada abad ke-18?
- British kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan
 - British mahu pedagang China berdagang dengan mereka
 - Perancis mula meluaskan pengaruhnya ke Asia Tenggara
 - Belanda telah memajukan pelabuhan Betawi di Indonesia
- 8 Apakah tindakan Sultan Kedah setelah menyedari dirinya ditipu oleh Francis Light untuk membantunya dalam ketenteraan?
- Membuat perjanjian damai dengan Francis Light
 - Mengarahkan Francis Light membayar pampasan
 - Berpakat dengan Siam untuk menyerang kedudukan Francis Light
 - Menghimpunkan angkatan perang di Seberang Perai untuk menyerang Francis Light
- 9 Mengapakah Belanda menandatangani Surat Kew dengan British pada tahun 1795?
- Untuk menyerahkan tanah jajahannya sementara di Timur kepada British sehingga Perang Napoleon tamat
 - Untuk mendapatkan bantuan ketenteraan daripada Belanda bagi berperang dengan Perancis di Eropah
 - Untuk membalas jasa British yang telah membantunya mengalahkan Perancis dalam Perang Napoleon di Eropah
 - Untuk membenarkan British mengadakan perdagangan dengan negeri-negeri Melayu semasa berlakunya Perang Napoleon
- 10 Bijih timah dijadikan bahan bernilai oleh Perak untuk mendapatkan perlindungan Portugis di Melaka. Apakah tujuan tersebut?
- Membebaskan Perak daripada naungan Aceh
 - Menjual hasil bijih timah kepada kuasa Barat
 - Menarik perhatian Portugis berdagang di Perak
 - Menarik kedatangan pedagang luar ke Perak
- 11 Negeri manakah yang membuat perjanjian dengan Belanda untuk menjual bijih timah?
- | | |
|------------|--------------|
| I Perak | III Melaka |
| II Kedah | IV Selangor |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
- 12 Pada tahun 1870, Sultan Ismail telah mengusahakan kawasan perlombongan baharu di Lembah Kinta.
- Bandar apakah yang wujud hasil usaha perlombongan bijih timah tersebut?
- | | |
|--------------------|--------------|
| I Larut | |
| II Beruas | |
| III Papan | |
| IV Pangkalan Peguh | |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
- 13 Kawasan manakah yang terlibat dengan perlombongan emas di negeri-negeri Melayu?
- Raub, Pahang
 - Larut, Perak
 - Kuala Lumpur
 - Semenyih, Selangor
- 14 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kegiatan perlombongan emas di Pahang pada abad ke-18?
- Pengenalan kaedah lombong dedah dan lombong bawah tanah
 - Dijalankan oleh orang Melayu, orang Asli dan orang Minangkabau
 - Emas menarik kehadiran orang Cina dari Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan
 - Orang Eropah menerima konsesi memajukan perlombongan emas daripada Sultan Ahmad
- 15 Mengapakah Raja Abdullah menuntut kembali haknya sebagai Sultan Perak walaupun baginda tidak hadir ke upacara pemakaman Sultan Ali walaupun dijemput?
- Desakan pelabur Eropah dan Cina
 - Berlakunya pergaduhan pelombong Cina
 - Persaingan pembesar memungut hasil cukai
 - Menamatkan persengketaan pemerintah di Perak

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Mengatasi kelemahan Sistem Residen.

Yang manakah tidak berkaitan maklumat di atas?

- A Mengurangkan bebanan kewangan negeri Pahang
 - B Residen makin berkuasa dalam Majlis Mesyuarat Negeri
 - C Residen tiada garis panduan yang jelas untuk melaksanakan tugas
 - D Raja dan pembesar Melayu tidak berpuas hati kerana hilang kuasa
- 17 Siapakah yang mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negeri dalam pentadbiran negeri Perlis?
- A Raja Perlis
 - B Pegawai Eropah
 - C Penasihat British
 - D Setiausaha Kerajaan
- 18 Apakah fungsi Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri berdasarkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu?
- A Menasihati sultan
 - B Menjadi pembesar negeri
 - C Melaksanakan pentadbiran kerajaan negeri Terengganu
 - D Menasihati pegawai Eropah dalam perkhidmatan awam Terengganu

- 19 Gambar berikut menunjukkan Askar Timbalan Setia Negeri Johor yang ditubuhkan oleh Sultan Ibrahim.



Tugas Askar Timbalan Setia Negeri Johor yang ditubuhkan oleh Sultan Ibrahim ialah

- I melindungi institusi diraja dan negeri Johor
 - II mengawal sempadan Johor daripada penceroboh
 - III sebagai askar tambahan sekiranya negeri jiran diserang oleh musuh luar
 - IV terlibat dalam perbarisan bersempena dengan ulang tahun raja di England
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
- 20 Apakah perjanjian yang menyebabkan Siam menyerahkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada British?
- A Perjanjian Pangkor
 - B Perjanjian Bangkok
 - C Perjanjian Inggeris-Belanda
 - D Perjanjian Negeri-negeri Selat